

**ABSTRAK**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Falsafah dan Ketamadunan

**PEMBANGUNAN MODUL KHIDMAT NASIHAT PENCEGAHAN  
JENAYAH SYARIAH TERENGGANU BERASASKAN KONSEP *'IBĀD AL-  
RAḤMĀN***

**KHADIJAH MUNIRAH SUHAIMI**

**2022**

**Penyelia : Riswadi bin Azmi, PhD**

**Pusat Pengajian/Institut : Pusat Pengajian Asas dan Lanjutan (PPAL)**

Jenayah syariah merupakan antara masalah sosial yang semakin meningkat dalam masyarakat. Pelbagai inisiatif serta kaedah telah diambil untuk menangani masalah ini, antaranya melalui pendekatan pendidikan karakter. Gugusan ayat al-Quran bermula 63 hingga 74 dari Surah al-Furqān mengandungi karakter-karakter yang wajar diteliti dan diamalkan oleh setiap orang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep *'Ibād al-Raḥmān* dalam pemulihan akhlak; membangunkan modul khidmat nasihat pencegahan jenayah syariah berpandukan karakter yang terkandung dalam *'Ibād al-Raḥmān* serta mendapatkan pengesahan dan penilaian modul daripada pakar dan juga pengendali khidmat nasihat pencegahan jenayah syariah Terengganu. Bagi mencapai tujuan tersebut, pendekatan secara kualitatif iaitu kaedah SLR digunakan untuk mengkaji konsep serta membangunkan modul yang berteraskan *'Ibād al-Raḥmān*, manakala pengesahan dan penilaian modul pula menggunakan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik kemudian dianalisis menggunakan SPSS. Hasil kajian mendapati terdapat 10 karakter yang terkandung di dalam *'Ibād al-Raḥmān*. Konsep *'Ibād al-Raḥmān* sangat sesuai untuk dijadikan sebagai panduan dalam pemulihan akhlak kerana secara tidak langsung 10 karakter ini sudah merangkumi tiga elemen utama

yang perlu ada dalam diri manusia iaitu nilai kecerdasan atau *Intelligence Quotient* (IQ), nilai emosi atau *Emotional Quotient* (EQ) serta nilai kerohanian atau *Spiritual Quotient* (SQ). Seterusnya, bagi pengesahan dan penilaian pakar mengenai modul, terdapat tiga elemen utama yang difokuskan dengan masing-masing sisihan piawai menunjukkan bacaan 0.485, 0.234 dan 0.450. Bagi pengesahan dan penilaian bagi pengendali pencegahan jenayah syariah Terengganu pula, telah dilakukan ujian pre dan pos. Hasil ujian-T bagi dua elemen utama yang dikaji menunjukkan terdapat perbezaan bacaan antara sebelum dan selepas sesi dijalankan dengan hasil keseluruhannya adalah  $p < 0.05$  iaitu 0.000 dan 0.002. Kajian mengenai karakter *'Ibād al-Rahmān* ini diharapkan bukan sahaja menjadi panduan dalam pemulihan akhlak sesi khidmat nasihat pencegahan jenayah syariah Terengganu, bahkan mampu dijadikan sebagai pedoman kepada sesiapa sahaja yang ingin menjadi seorang hamba Allah yang sentiasa memperbaiki diri untuk menjadi lebih baik.

## ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirements for the degree of Master in Philosophy and Civilisation

### **DEVELOPMENT OF TERENGGANU SYARIAH CRIME PREVENTION ADVISORY SERVICE MODULE BASED ON THE CONCEPT OF *'IBĀD AL-RAḤMĀN***

**KHADIJAH MUNIRAH SUHAIMI**

**2022**

**Main Supervisor : Riswadi bin Azmi, PhD**

**School/Institute : Centre for Foundation and Continuing Education**

*Shariah* crime is one of the increasing social issues in the society. To date, various methods have been developed to address the issue especially through the development of individual character. The Quran verses, in Surah Al- Furqān (verse 63-74), emphasize the characters of *'Ibād al-Raḥmān* that should be studied and practiced by everyone. Therefore, this study aims to examine the concept of *'Ibād al-Raḥmān* in moral rehabilitation, to develop a *shariah* crime prevention advisory service module based on the character explained in *'Ibād al-Raḥmān* concept, to identify the validity and evaluate the module developed from the experts. In order to answer the research questions, both qualitative and quantitative methods were used in this investigation. The qualitative approach using Systematic Literature Review (SLR) method was employed to study the concept and develop the module based on the *'Ibād al-Raḥmān* concept, while quantitative analysis using SPSS was use to identify the validity and evaluate the module developed. The findings of the study found that there were ten characters explained in *'Ibād al-Raḥmān* concept. The concept was found to be feasible as a guideline in moral rehabilitation. This is because the ten characters explained in the concepts included three main elements that necessary to all individuals, namely

Intelligence Quotient (IQ), Emotional Quotient (EQ) and Spiritual Quotient (SQ). Next, for the expert validation and evaluation of the module developed, the results from the three elements show significant results with the standard deviations of 0.485, 0.234 and 0.450 respectively. On the other hand, the results of t-test from the pre and post questionnaire show the value of  $p < 0.05$  which are 0.000 and 0.0002. The present study makes several noteworthy contributions to the current study of the moral rehabilitation. The module developed from the character of *'Ibād al-Raḥmān* was expected not only to act as a guideline in moral rehabilitation of the Terengganu *Shariah* crime prevention advisory session yet it is also feasible to anyone to improve their self better.